

'Mukhriz melampau'

KUALA LUMPUR 16 Nov. - Pergerakan Pemuda UMNO akan mengkaji semula kedudukan Datuk Mukhriz Mahathir dalam pergerakan itu jika beliau terus mengkritik kepimpinan kerajaan dan politik.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, tindakan Mukhriz mengkritik ucapan dasar Presiden parti memalukan dan bercanggah dengan pendirian Pemuda yang menyokong penuh kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya rasa begitu terkilan dengan kenyataan beliau (Mukhriz) kerana Pemuda menyokong ucapan Presiden parti.

"Tindakan beliau (Mukhriz) dilihat sangat melampau dan bersifat individu. Ia bertentangan dengan cara Pemuda yang membuat keputusan secara kolektif," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Makan Malam Timbalan Presiden parti, di Dewan Tun Razak 1, Pusat Daganan Dunia Putra (PWTC), malam ini.

Hishammuddin mengulas kenyataan Mukhriz dalam sebuah akhbar berbahasa Inggeris hari ini yang mendakwa tiada perkara baru dalam ucapan dasar Presiden parti semalam.

Mukhriz dipetik sebagai berkata: "Saya rasa ucapan (Presiden) itu telah disampai-

Saya rasa begitu terkilan dengan kenyataan beliau (Mukhriz) kerana Pemuda menyokong ucapan Presiden parti

kan tahun lalu. Saya mengharapkan ada perkara baru. Mungkin dia (Abdullah) ada ideal lain."

Mengulas lanjut, Hishammuddin berkata, apa yang cuba disampaikan oleh Abdullah sebenarnya merujuk kepada janji yang dibuat beliau ketika menjadi Perdana Menteri dan sedang melaksanakan janji tersebut.

"Tindakan beliau menyatakan ucapan Presiden tidak mempunyai pembaharuan menunjukkan beliau (Mukhriz) tidak faham dengan apa yang mahu disampaikan Presiden," tambahnya.

Justeru, Hishammuddin meminta Exco kanan Pergerakan Pemuda UMNO itu segera tampil memberikan penjelasan berhubung tindakannya itu.

"Selama ini saya lihat dan teliti apa yang dibuat beliau (Mukhriz) tetapi sekarang ini sudah keterlaluan. Jika dia (Mukhriz) berterusan begini, saya kena memikirkan semula kedudukannya dalam barisan Exco saya," ujarnya.

HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN
Ketua Pergerakan
Pemuda UMNO

Sementara itu, *Bernama* melaporkan beberapa pemimpin UMNO membidas tindakan Mukhriz itu.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said menegaskan mereka yang memperlekeh ucapan Presiden UMNO itu sebenarnya tidak faham peranan parti dalam kerajaan.

Beliau juga menyifatkan mereka yang memperlekeh ucapan Abdullah mempunyai banyak muslihat.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid pula menjelaskan ucapan Abdullah sebenarnya memberi penekanan meluas terutama pembangunan luar bandar dan mewujudkan industri kampung secara berteknologi tinggi dan pengurusan sumber manusia.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid Hamidi pula berkata, kenyataan Mukhriz itu merupakan satu penghinaan kepada Perdana Menteri.

"Mukhriz bukan sahaja tidak meneliti tetapi tidak langsung menghayati ucapan

Pak Lah kerana beliau mempunyai prangka yang tebal kepada Pak Lah hingga mencapai ke tahap kebencian," katanya.

Ketua Penerangan UMNO Kelantan, Datuk Alwi Che Ahmad berkata, Mukhriz sebenarnya tidak memahami dan mendalami ucapan Abdullah.

"Kalau hati dah tak betul, buat apa pun tak betul. Ini dah pergi ke peringkat personal," katanya.

Anggota Majlis Tertinggi, Datuk Shahrir Samad pula menasihatkan Mukhriz supaya sedar akan tanggungjawabnya sebagai pemimpin UMNO dan tidak terbawa-bawa dengan emosi sebagai anak Dr. Mahathir.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, Abdullah sentiasa mengingatkan orang Melayu yang mudah lupa agar menghargai UMNO yang memperjuangkan nasib orang Melayu.

"Supaya orang Melayu ingat diri, jangan cepat sombong, jangan lupa diri, jangan anggap kita sudah pandai sangat, orang Melayu belum ada apalagi, itu yang hendak disampaikan oleh Pak Lah...," katanya.

Exco Pemuda UMNO, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim turut menyelar tindakan Mukhriz itu dan menganggapnya sebagai tidak bertanggungjawab kerana mengaibkan pergerakan itu.